



**PERHIMPUNAN BULANAN
JABATAN KIMIA MALAYSIA
NOVEMBER 2023**

TEKS UCAPAN

**YANG BERUSAHA
PUAN HALIMAH BINTI ABDUL RAHIM
KETUA PENGARAH
JABATAN KIMIA MALAYSIA**

**09 NOVEMBER 2023
DEWAN SYARAHAN BANGUNAN FORENSIK,
PUSAT ANALISIS SAINS FORENSIK
IBU PEJABAT PETALING JAYA
9.00 PAGI**

Terima kasih saudara Pengacara Majlis

Bismillahirrahmanirrahim

- **Assalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh, Salam Perpaduan dan Salam MALAYSIA MADANI.**

- **Yang Berusaha Encik Shaari bin Desa**

Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)

Jabatan Kimia Malaysia

- **Yang Berusaha Puan Marhayani binti Md Saad**

Pengarah Kanan Pusat Analisis Industri dan Tarif Kastam yang menanggung kerja Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

Jabatan Kimia Malaysia

- **Yang Berusaha Pengarah-Pengarah Kanan**

- **Pengarah-Pengarah Bahagian, Negeri dan Cawangan**

Tuan-tuan dan Puan-puan, warga KIMIA Malaysia yang saya kasihi sekalian.

PENDAHULUAN

1. Syukur alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran saya rafakkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan rahmat dan inayah-Nya dapat sekali lagi saya berkumpul di dalam Perhimpunan Bulanan Bulan November 2023 bersama-sama semua warga KIMIA Malaysia yang hadir hari ini mahupun secara fizikal atau di dalam talian.
2. Di kesempatan ini juga, saya merakamkan ucapan penghargaan kepada **Pusat Analisis Industri dan Tarif Kastam** selaku penganjur bagi Perhimpunan Bulanan kita pada pagi ini.

KEMATIAN

3. Sebelum kita meneruskan acara kita pada pagi ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan takziah atas perkhabaran sedih iaitu Puan Noraini binti Taufik, Pembantu Makmal di KIMIA Perak telah kembali ke Rahmatullaah semalam.

4. Semoga Allahyarhamah ditempatkan dalam kalangan orang-orang yang beriman dan bertaqwa.
5. Sesungguhnya, Allah adalah sebaik-baik perancang.
Al-Fatihah.

MENJELANG Hujung TAHUN

Hadirin Sekalian

6. Sedar tidak sedar, kita telah memasuki bulan November iaitu di suku akhir bagi tahun 2023.
7. Tinggal 2 bulan lagi, kita akan meninggalkan tahun ini dengan pelbagai peristiwa penting telah kita lalui sejak awal tahun sehingga kini.
8. Besar harapan saya agar warga KIMIA Malaysia dapat mengekalkan momentum sedia ada dalam melaksanakan pecutan akhir bagi memastikan segala usaha, perancangan dan prestasi hebat pada tahun ini dapat dilaksanakan, in sha Allah.

PASCA BAJET 2024

Hadirin sekalian,

9. Perdana Menteri YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim telah membentangkan Belanjawan 2024 Malaysia MADANI di Dewan Rakyat pada 13 Oktober yang lalu.
10. Belanjawan 2024 bertemakan 'Reformasi Ekonomi Memperkasa Rakyat' melibatkan peruntukan RM393.8 bilion iaitu Belanjawan tertinggi pernah dibentangkan.
11. Memetik kata-kata Perdana Menteri didalam pembentangan belanjawan lalu, *“Kini kita menempuh suatu fasa yang luar biasa aneh, dan fasa ini tentunya belum terjangka dalam sejarah peradaban manusia”*, dunia sedang berdepan dengan keadaan ketidaktentuan dan kita hendaklah sentiasa bersiap siaga dalam apa jua keadaan.

12. Justeru itu, kita sebagai penjawat awam hendaklah memastikan, tiada ketirisan kepada tatakelola dan sistem tadbir urus lebih-lebih lagi dalam menjaga integriti dan memerangi gejala rasuah.

13. Namun disebalik peringatan tegas yang diberikan oleh Perdana Menteri, khabar gembira menanti penjawat awam dengan Kerajaan bersetuju untuk memberi Bayaran Insentif Awal Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam sebanyak RM2,000 kepada semua penjawat awam gred 56 dan ke bawah termasuk lantikan kontrak.

14. Disamping itu juga, beberapa lagi pengumuman menarik juga diumumkan oleh YAB Perdana Menteri diberikan kepada kita penjawat awam. Alhamdulillah, semoga kita bersyukur di atas rezeki yang diberikan dikala ketidaktentuan ekonomi global ini.

HARI INTEGRITI

Hadirin sekalian,

15. Hari Integriti Nasional disambut pada 5 November setiap tahun sejak ia diistiharkan pada tahun 2005.
16. Sambutan Hari Integriti Nasional diraikan setiap tahun sebagai satu inisiatif berterusan untuk membudayakan integriti dan memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan setiap anggota masyarakat.
17. Integriti bermaksud kejujuran ataupun keadaan yang sempurna dan utuh dan perlu berputik dari keihklasan diri seseorang individu.
18. Integriti bermula dari diri kita sendiri dan kita perlu perbaiki masalah defisit integriti dalam diri yang selama ini dianggap remeh.
19. Percayalah andai setiap seorang daripada kita boleh menjadikan integriti sebagai budaya hidup, banyak masalah dalam masyarakat dapat diselesaikan dengan mudah.
20. Justeru itu, saya menyeru agar semua warga kerja Jabatan Kimia Malaysia untuk terus melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan dengan penuh berintegriti agar persepsi dan keyakinan masyarakat terhadap Perkhidmatan Awam khususnya dan KIMIA Malaysia amnya dapat ditingkatkan.

MINGGU KESEDARAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN
PEKERJAAN KIMIA MALAYSIA 2023.

Hadirin sekalian,

21. Penganjuran Minggu Kesedaran OSH (MKOSH) yang telah diadakan minggu lepas adalah bertujuan untuk memupuk dan meningkatkan tahap kesedaran terhadap aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan di kalangan kakitangan KIMIA Malaysia.
22. Pengisian yang komprehensif sepanjang minggu tersebut meliputi 3 aspek utama yang ditekankan oleh Seksyen OSH KIMIA Malaysia, iaitu;
 - a. Aspek kesihatan dengan mengadakan Seminar Ergonomik, Stres dan Masalah Mental di tempat kerja yang telah disampaikan oleh Pegawai Perubatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan dengan kolaborasi bersama Institut Kimia Malaysia (IKM);

- b. Aspek kesiapsiagaan menghadapi situasi kecemasan dengan mengadakan Kursus *First Aider* bersama pihak PBSM Cabang Petaling; tidak lupa juga kepada semua Pasukan Tindakan Kecemasan KIMIA Malaysia yang telah aktif di dalam sesi praktikal bersama dengan pihak BOMBA Petaling Jaya.
- c. Aspek kesedaran OSH meliputi penglibatan umum semua warga KIMIA Malaysia dengan aktiviti-aktiviti berkaitan OSH juga telah diadakan ;
 - i. Kuiz Ceramah Ergonomik,
 - ii. Kuiz KAHOOT!; dan juga
 - iii. aktiviti EXPLORACE MKOSH KIMIA Malaysia.

23. Justeru itu, sekalung tahniah saya ucapkan kepada semua yang telah menjayakan MKOSH 2023.

24. Bersama-samalah kita memupuk kesedaran terhadap Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di dalam diri kita sendiri.

UCAPAN PENGHARGAAN & TAHNIAH

LAWATAN KETUA PENGARAH KE KIMIA NEGERI DAN CAWANGAN

Hadirin sekalian,

25. Saya ingin merakamkan ucapan penghargaan saya kepada semua warga kerja KIMIA Sabah yang diketuai oleh Pengarah KIMIA Sabah, YBrs. Tuan Haji Khairuzzaman bin Mustafa dan warga kerja KIMIA Tawau yang diketuai oleh Pengarah KIMIA Tawau, Encik Asrul Hafez bin Zulkifly atas persediaan dan sambutan yang diberikan semasa sesi Lawatan Kerja saya ke sana pada 16 dan 17 Oktober 2023 yang lalu.
26. Dalam sesi townhall yang telah diadakan bersama warga kerja KIMIA Sabah dan KIMIA Tawau, isu utama yang telah dibangkitkan adalah berkaitan dengan penjawatan.
27. Saya mengambil maklum masalah dan kekangan yang dihadapi dan akan mencari jalan penyelesaian yang terbaik dalam memastikan proses kerja di makmal tidak terganggu malah dapat membawa KIMIA Malaysia ke arah yang lebih baik dan cemerlang.

PENERIMAAN PINGAT

28. Sekalung tahniah dan syabas diucapkan kepada dua orang warga kerja KIMIA Pulau Pinang atas penganugerahan pingat kehormatan Negeri Pulau Pinang sempena sambutan Hari Ulang Tahun ke-74 Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi bin Haji Abdul Razak, Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang Tahun 2023.

Mereka adalah :

a) YBrs. Dr. Nor Shifa bin Shuib yang dianugerahkan **Pingat Kelakuan Terpuji (P.K.T)**

b) Encik Baharoom bin Umar yang dianugerahkan **Pingat Jasa Masyarakat (P.J.M)**

29. Pingat ini dikurniakan kepada individu yang memberi perkhidmatan cemerlang dan jasa bakti kepada masyarakat dan rakyat.

PERSARAAN

30. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai-pegawai berikut yang telah bersara sepanjang bulan Oktober 2023.

- a) **Encik Bohar bin Yahaya dari KIMIA SibU yang telah bersara pilihan pada 1 Oktober 2023.**
- b) **YBrs. Puan Rusnah binti Rohani, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) yang telah bersara pilihan 2 Oktober 2023.**
- c) **Puan Pu Chen Lee dari KIMIA Sarawak yang telah bersara pilihan pada 25 Oktober 2023.**
- d) Terima kasih atas jasa bakti dan sumbangan yang telah mereka berikan kepada jabatan.
- e) Marilah kita bersama-sama mendoakan semoga hari-hari persaraan yang akan dilalui mereka akan dilimpahkan rahmat dan keberkatan serta bahagia di samping keluarga tersayang.

PERSEDIAAN MENGHADAPI BANJIR

Hadirin sekalian,

- 31. Dikesempatan ini , saya ingin memberi peringatan kepada semua warga KIMIA Malaysia yang saya kasih sekalian agar berhati-hati di waktu yang memasuki musim tengkujuh ini.

32. Saya difahamkan ada rumah-rumah warga KIMIA Malaysia di negeri yang terdedah kepada banjir seperti yang telah berlaku sebelum ini.
33. Jabatan mengambil maklum perkara ini dan sedang didalam mengumpulkan sukarelawan untuk digerakkan sekiranya diperlukan.
34. Pada masa yang sama, saya memohon agar kita lebih bersedia dan sentiasa mengawasi keadaan bagi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diigini berlaku.

PENUTUP

35. Sebelum saya mengakhiri ucapan pada pagi ini, ingin saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Lahir kepada semua warga kerja KIMIA Malaysia yang menyambut hari kelahiran pada bulan November.

36. Saya akhiri ucapan saya pada pagi ini dengan lafaz
Wabillahittaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.
37. Sekian, terima kasih.

----- TAMAT-----